

Headline	Meter pintar nadi sistem elektrik mampan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Bisnes	Page No	66
ArticleSize	154 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,200		



Meter pintar nadi sistem elektrik mampan

Kuala Lumpur: Pemerksaan landskap sektor tenaga negara perlu dilaksanakan secara bersepadu melalui penggunaan teknologi pintar supaya dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Datuk

Seri Dr Zaini Ujang berkata, pengenalan meter pintar juga dapat membolehkan syarikat utiliti mengenal pasti trend penggunaan masa sebenar tenaga, sekali gus membolehkan ia diuruskan secara efisien.

Katanya, setakat ini Malaysia secara keseluruhannya sudah mengguna pakai meter pintar di seluruh negara bermula pada suku

pertama tahun ini dan dijangka akan selesai pemasangannya pada 2025.

"Meter pintar atau Grid Pintar ini akan menjadi nadi kepada sistem elektrik yang lebih mampan dalam menampung tenaga yang boleh diperbaharui dalam sistem pengedaran dan membantu mengawal perubahan cuaca," katanya pada Forum Tenaga Kebangsaan ke-7, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Datuk Abdul Razak Abdul Majid, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ahmad Fauzi Hasan dan Presiden Persatuan Gas Malaysia, Hazli Sham Kassim.

Forum berkenaan menghimpunkan pemain industri, pakar industri tenaga dan polisi serta profesional

dalam membincangkan isu semasa berkaitan arah tuju sektor tenaga dalam mewujudkan keperluan tenaga yang mampan, selamat dan kukuh di Malaysia.

Zaini berkata, dalam mengubah landskap industri terbabit, Malaysia perlu bergerak ke hadapan dalam meningkatkan penguasaan dalam tenaga boleh diperbaharui kepada paras 23 peratus pada 2025 berbanding 9.7 peratus pada 2016.

"Dasar dan instrumen seperti Standard Portfolio Tenaga Diperbaharui antara instrumen yang boleh dianggap membantu untuk meningkatkan pembabitani dalam sektor ini serta lebih banyak kerjasama daripada semua pihak diperlukan untuk mencapai sasaran 23 peratus itu," katanya.

